

17/07/1998

DPPM bercinta dengan teater

Jamudin Idris

DEWAN Perniagaan dan Perusahaan Melayu (DPPM) yang sudah `jatuh cinta' dengan pementasan teater berhasrat meneruskan kegiatan sosialnya dalam usaha mendekatkan usahawan dengan kegiatan kebudayaan.

Dua pementasan lalu nyata menggembirakan ahli DPPM dan membuatkan Dewan meneruskan agenda sosialnya tahun ini, menerusi teater Bangsawan Sirih Bertepuk Pinang Menari (SBPM).

Bendahari Agung DPPM, Wan Mohd Al-Bakri Md Nor, berkata untuk tiga tahun pertama ini pihaknya memilih karya Sasterawan Negara, Datuk Noordin Hassan untuk dipentaskan.

"Dewan mementaskan Peran dan Anak Tanjung, kerana isu dalam teater itu sesuai untuk golongan usahawan," katanya ketika ditemui menyaksikan sesi latihan teater SBPM di Panggung Negara baru-baru ini.

SBPM dipentaskan di Hotel Istana, 10 Julai lalu dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi tetamu kehormatannya.

Wan Mohd Al-Bakri berkata, memandangkan teater agak baru untuk sebahagian besar usahawan, pihaknya terpaksa berhati-hati memilih skrip untuk dipentaskan supaya ia dapat memupuk minat mereka kepada teater.

Pembabitan DPPM pada teater timbul apabila seorang pemimpin negara mencadangkan DPPM mendapatkan sebuah pementasan Broadway sempena majlis makan malam persatuan berkenaan.

Bagaimanapun hasrat untuk membawa pementasan itu tidak kesampaian kerana kosnya terlalu besar dan terpaksa menunggu lama.

Bagi menggantikan teater luar negara, pihaknya memilih skrip Noordin kerana isu yang ditimbulkan berkaitan isu semasa.

Wan Mohd Al-Bakri berkata, jika dua pementasan terdahulu, Dr Mahathir tidak berkesempatan menyaksikan pementasan anjuran Dewan, pihaknya berharap ia tertunai pada tahun ini.

Katanya, keuntungan daripada pementasan tahun ini akan dimasukkan ke dalam Tabung Pendidikan Tan Sri Yahaya Ahmad untuk menganugerahkan siswazah cemerlang dalam bidang kejuruteraan dan sains.

SBPM mengisahkan kerenah Sultan Zahiruddin Syah yang diamanahkan ayahandanya, Raja Idris Bistari memerintah negeri Indera Mahkota. Berbeza dengan pemerintahan ayahandanya, Zahiruddin Syah cuba menunjukkan kebesaran dengan memeras rakyat.

Apabila mengetahui mengenai negeri Langkapura yang kaya dengan hasil emas cuma diperintah oleh seorang Ratu, Zahiruddin Syah berhasrat untuk menaklukinya. Caranya meminum anakanda Ratu Langkapura, Puteri Kamaliah dengan ancaman.

Jika pinangan ditolak, Ratu Langkapura mesti membayar penolakan itu dengan persembahan yang mustahil - sirih bertepuk pinang menari. Jika gagal, Langkapura akan diserang.

Teater ini dilakonkan beberapa pelakon termasuk Safura Yaacob, Nassier Wahab, Sani Sudin, Zulkifli Zain, Normala Omar, Zaibo dan Mubarak Majid.

Teater ini diarahkan oleh Adnan Hamzah dari Panggung Negara dan dibantu Wan Sofi Megat Ahmad.

(END)